

(LETTERHEAD)

**BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj, DK., DMN., SSAP., SAAS., SIMP., DK.(Johor)., SPMJ., DK.(Brunei)., DK.(Selangor) yang bersemayam di Istana Abdulaziz, Kuantan dengan segala kemuliaan dan kebesarannya.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,
Sembah Patik Mohon Diampun,

Dengan iringan doa daripada patik moga - moga Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Yang Amat Mulia Paduka - Paduka Anakanda Putera dan Puteri serta Yang Mulia Paduka - Paduka Cucunda sentiasa di dalam sihat walafiat dan dilanjutkan usia serta kekal karar memerintah atas singgahsana takhta Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur yang tercinta ini. Amin.

Ampun Tuanku,

Waba'dah ehwal adalah warkah yang tulus ikhlas ini daripada patik **(Nama & Jawatan)** dari **(Jabatan/Agensi)** mengadap merafak sembah bagi patik mohon sembah maklum bahawa patik telah menerima kurniaan (Cenderahati) daripada Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku. Patik menjunjung setinggi-tinggi kasih atas kurniaan termaksud.

ATAU

Dengan penuh hormat dan takzimnya, adalah patik **(Nama & Jawatan)** dari **(Jabatan/Agensi)**. Patik pohon sembah maklum bahawa patik menjunjung setinggi - tinggi kasih ke atas keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ke **(Nama Majlis)** pada **(Tarikh)** yang lalu.

Ampun Tuanku,

Demikianlah warkah yang tidak sepertinya ini yang teriring dengan maksud dan tujuannya serta iringan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala mudah - mudahan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Berdua, Putera - putera, Puteri-puteri dan seluruh Kerabat Diraja Pahang sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat-Nya dilanjutkan usia zaman dan sentiasa berada dalam sihat walafiat selama-lamanya.

Ampun Tuanku.

Patik dengan segala hormat dan takzimnya.

(Nama Berserta Darjah/Pingat Kebesaran - jika ada)

Termaktub : **(Tempat)**

Pada : **(Tarikh)**

Fail : **(Jika ada)**

****NOTA**

Font : Tahoma (Saiz 14)

Spacing : 1.15

- Nyatakan dalam surat litup **nombor telefon penganjur** untuk dihubungi

(LETTERHEAD)

(Tarikh) 2024
(Kalendar Islam) 1446H

Setiausaha Sulit Kepada
Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang
Istana Abdulaziz
25502 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR

Puan,

**WARKAH MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA
TENGKU AMPUAN PAHANG**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman puan, saya **(Nama dan Jawatan)** dari **(Jabatan/Agensi/NGO)** ingin menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj.

3. Bersama-sama ini disertakan Warkah Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku yang jelas menerangkan maksud dan tujuan tersebut.

4. Kerjasama puan untuk menyembahkan perkara ini kesisi Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku amat saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

(**NAMA**)
JAWATAN

****NOTA**

- *Font Arial (Size 12) , Spacing - (1.15)*